



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELANTIKAN KETUA PENGARAH KESIHATAN

25 APRIL 2023

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan di atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Kesihatan berkuatkuasa 21 April 2023.

Pelantikan beliau berdasarkan kelayakan dan pengalaman luas dalam bidang perkhidmatan kesihatan negara sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Kesihatan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Perubatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah, Ketua Penyelaras Perubatan Negeri Kedah dan Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal Kedah. Dr Muhammad Radzi pernah dilantik sebagai Ketua Perkhidmatan Gastroenterologi dan Hepatologi dan menjadi pengerusi pentauliahan bidang kepakaran ini dari tahun 2013 sehingga 2021.

Saya yakin dengan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran serta kredibiliti YBhg. Datuk Dr Radzi mampu memberikan yang terbaik dan menjadi rakan pasukan bersama saya dalam memastikan matlamat dan agenda reformasi kesihatan negara dilaksanakan secara menyeluruh selaras dengan Kertas Putih Kesihatan yang sedang dibangunkan agar masyarakat Malaysia MADANI dapat terus menikmati perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berkualiti serta mapan.

DR ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN

25 April 2023